

17 JUL 2000

Mahkamah-Anwar/I

MAHKAMAH BENARKAN ANWAR SECARA PERIBADI JAWAB HUJAH PENDAKWAAN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membenarkan Datuk Seri Anwar Ibrahim secara perbadi menjawab hujah yang dibuat oleh pendakwa pada akhir perbicaraan kes liwat.

Hakim Datuk Arifin Jaka membenarkan bekas timbalan perdana menteri itu meneruskan hujahnya sendiri selepas Anwar memilih berbuat demikian meskipun telah dinasihati oleh para peguamnya, yang diketuai oleh Christopher Fernando, bahawa mereka tidak akan dibenarkan berhujah kemudian termasuk yang berkaitan dengan isu-isu perundangan.

Anwar tidak menyatakan sama ada beliau telah memecat peguamnya atau tidak.

Bagaimanapun, bekas menteri kewangan itu berkata tindakannya tidak bertujuan, dalam keadaan apapun, mempersoalkan kecekapan dan kewibawaan mereka dalam mengendalikan kes itu.

"Mereka (peguam) telah melakukan tugas yang cemerlang, saya tidak dapat memikirkan pasukan yang lebih baik. Mereka adalah sebahagian daripada keluarga saya. Tetapi saya terpaksa berbuat begini bagi menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan secara peribadi terhadap saya oleh pihak pendakwa," katanya.

Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada satu malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, 39, seorang ahli perniagaan, juga menghadapi satu lagi tuduhan bersubhat dengan Anwar, 52, meliwat Azizan, 39, bekas pemandu keluarga timbalan perdana menteri itu, di tempat dan masa yang sama.

Anwar yang bercakap daripada kandang tertuduh berkata dari mula lagi, hujah pembelaan adalah konsisten bahawa keseluruhan tuduhan yang didakwa terhadapnya dan Sukma adalah "konspirasi peringkat tertinggi membabitkan perdana menteri sendiri".

Menurutnya keputusan mahkamah untuk tidak memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyebabkan beliau tidak dapat memperolehi keterangan yang relevan yang akan membantu pembelaannya mengenai wujudnya konspirasi politik untuk menjatuhkan beliau.

"Adalah nyata bahawa pengkomplot itu kini, jika tidakpun orang yang melakukan kesalahan itu yang disebut dalam laporan Cawangan Khas, telah menolak konspirasi itu dan meneruskan dengan mereka-reka keterangan, mengancam dan menakut-nakutkan saksi-saksi bagi memastikan sabit kesalahan dalam apa bentukpun," kata Anwar.

Mengenai kewibawaan Azizan, Anwar yang memetik "wasiat Khalifah Umar Al-Khattab" berkata "keterangan seseorang yang melakukan "dosa besar" tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah.

Menjawab hujah Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail mengenai alibi, Anwar berkata pembelaan telah memperolehi keterangan yang mencukupi secara terperinci dan pihak pendakwa tidak mencabarnya ketika itu.

"Sekarang mereka datang balik dengan andaian dan spekulasi sendiri mengenai alibi pembelaan kita," katanya.

Anwar berkata pembelaan telah secara konsisten menegaskan bahawa insiden liwat tidak pernah berlaku, kerja-kerja pengubahsuaian secara besar-besaran dibuat di apartmen Sukma dan katil hanya dihantar pada 12 Feb, 1993.

Mengenai surat yang didakwa dikirim kepadanya yang menafikan pengakuan

Sukma dibuat secara sukarela, Anwar menolak hujah pendakwaan bahawa surat itu adalah "selepas memikirkannya", berkata bahawa beliau menggunakannya sebelum pertuduhan liwat didakwa terhadapnya.

Anwar juga berkata ia bukan surat memohon maaf tetapi peluang pertama yang diperolehi oleh adik angkatnya untuk meluahkan perasaannya secara bebas mengenai apa yang berlaku selepas Sukma ditahan, tanpa dipengaruhi oleh polis.

Perbincaraan bersambung.

-- BERNAMA
SBB AHH LAT